

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]**  
**TARIKH : 03.11.2016 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN : 15**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status terkini program *Rural Business Challenge* (RBC).

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga tahun 2015, secara keseluruhannya, sebanyak 107 usahawan telah dinobatkan sebagai pemenang Pertandingan Rural Business Challenge (RBC) iaitu 77 usahawan bagi kategori Pengembangan Perniagaan dan 30 usahawan bagi kategori Idea Perniagaan dengan melibatkan geran kemenangan sebanyak RM58.38 juta. Sektor-sektor keusahawanan yang terlibat ialah sektor perkhidmatan sebanyak 16 usahawan, sektor pembuatan sebanyak 48 usahawan, sektor pertanian sebanyak 35 usahawan dan sektor Pelancongan Desa sebanyak 8 usahawan.

pembuatan sebanyak 48 usahawan, sektor pertanian sebanyak 35 usahawan dan sektor Pelancongan Desa sebanyak 8 usahawan.

Selepas 4 tahun pelaksanaan projek, pemenang Pertandingan RBC telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan purata peratus peningkatan pendapatan bulanan sebanyak 116%. Jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah sebanyak 1,546. Manakala bilangan usahawan baru yang diwujudkan adalah sebanyak 353 usahawan.

Tahun 2016 merupakan tahun kelima penganjuran Pertandingan RBC. Pertandingan kali ini pertama kalinya dibuka secara atas talian dan peserta hanya perlu melengkapkan borang penyertaan dan borang Business Model Canvas (BMC) secara atas talian untuk menyertai pertandingan. Selain itu, syarat pertandingan juga telah dilonggarkan. Bagi kategori Idea Perniagaan adalah terbuka kepada semua penyertaan yang belum mendaftarkan syarikat manakala kategori Pengembangan Perniagaan adalah terbuka kepada semua penyertaan yang telah mendaftarkan syarikat tanpa mengambil kira tempoh 3 tahun seperti syarat sebelumnya. Penambahbaikan ini telah berjaya menarik minat sejumlah 1,264 penyertaan iaitu sebanyak 831 penyertaan bagi kategori pengembangan perniagaan dan 433 penyertaan bagi kategori idea perniagaan. Penyertaan tahun ini telah meningkat sebanyak 125% berbanding penyertaan pada tahun lepas.